



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (30 JULAI 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **tiada kes** positif COVID-19 dilaporkan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak kekal sebanyak **677** kes.

#### **A. Kluster COVID-19 yang masih aktif.**

Setakat hari ini, terdapat **sepuluh (10)** kluster yang masih aktif iaitu

- a) Kluster Syarikat Kejuruteraan: kekal lapan (8) kes
- b) Kluster Mambong: kekal tujuh (7) kes
- c) Kluster Pusat Perubatan: kekal tiga (3) kes
- d) Kluster Jupiter: kekal tiga (3) kes
- e) Kluster Pasar Stutong: kekal tujuh (7) kes
- f) Kluster Jeti Kuching: kekal dua (2) kes
- g) Kluster Sentosa: kekal 31 kes
- h) Kluster PUI Melbourne: kekal dua (3) kes
- i) Kluster Syarikat Pembinaan Kuching: kekal dua (2) kes
- j) Kluster Pasar Satok: kekal empat (4) kes

Dimaklumkan juga **enam (6)** kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari Hospital Umum Sarawak hari ini dan mereka berasal dari Daerah Kuching empat (4) dan Daerah Samarahan dua (2). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **571** orang atau **84.34%**.

Seramai **87** orang masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital, dan jumlah kematian kekal 19 orang atau 2.81%

Hari ini sebanyak **sembilan (9) PUI** baru dilaporkan dan **dua (2)** kes masih menunggu ujian makmal. Bagi sampel yang diambil semasa penjejakan kotak dan pengawasan (*surveillance*), sebanyak **1,182** masih menunggu ujian makmal.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bermesyuarat hari ini dan telah memutuskan beberapa keputusan seperti berikut:

### **A. Kemasukan Warganegara Malaysia (termasuk rakyat Sarawak) dari Semenanjung, Sabah dan Labuan**

Berkuatkuasa 1 Ogos 2020, semua warganegara Malaysia dari Semenanjung, Sabah dan Labuan yang masuk ke Sarawak, mereka akan dipasang "Wristband" dan dibenarkan balik ke rumah masing-masing. Mereka dikehendaki untuk diambil sampel COVID-19 pada hari pertama atau hari kedua di Klinik Kesihatan yang berdekatan.

Bagi destinasi terakhir mereka di kawasan pedalaman iaitu di luar (Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri), mereka akan dikuarantin dan akan diambil sampel ujian COVID-19 pada hari ke-2. Sekiranya keputusan ujian adalah negatif, barulah mereka dibenarkan balik ke rumah tanpa perlu menyambung baki kuarantin.

### **B. Kewajipan Pemakaian Pelitup Topeng Muka**

Berkuatkuasa 1 Ogos 2020, semua rakyat Sarawak wajib memakai pelitup topeng muka semasa berada di tempat awam, pusat beli belah, pengangkutan awam, market dan kedai makan. Tindakan akan diambil oleh pihak penguatkuasa sekiranya pengusaha premis dan pelanggan didapati tidak memakai pelitup topeng muka.

### **C. Pengurangan Tempoh Masa Operasi Perniagaan**

Semua tempoh masa operasi perniagaan di Zon 1 meliputi Bahagian Kuching, Samarahan dan Serian akan dihadkan bermula dari pukul 6.00 pagi hingga 10.00 malam.

Manakala bagi pengusaha stesen minyak dan kilang dibenarkan untuk beroperasi seperti biasa. Arahan ini berkuatkuasa pada 1 Ogos 2020.

**Nota** : Pengusaha stesen minyak dan kilang yang beroperasi seperti biasa hendaklah memberi maklum (***Notification***) kepada JPBN.

### **3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **27 notis** kompaun kerana tidak mematuhi Garis Panduan (SOP) iaitu di Miri (9), Padawan (7), Sri Aman (3), Samarahan (3), Song (2), Saratok (1), Bau (1) dan Sarikei (1).

### **4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)**

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian topeng muka di tempat awam.

Hari ini sebanyak **2,068 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (364), Restoran (477), Kilang (18), Bank (160), Pejabat Kerajaan (88), Penjaja (50), Pasar Tani/Awam (106), Tempat Ibadah (61), Tempat Riadah (54), Tapak Pembinaan (22) dan lain-lain (668).

Seramai **659 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (341), ATM (42), RELA (135), APM (85), PBT (48), KPDNHEP (3) dan Lain-lain agensi (5).

### **5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,512** jumlah kenderaan telah diperiksa.

## **6. TANGKAPAN DI SEMPADAN MALAYSIA / INDONESIA**

Pihak Jabatan Kastam DiRaja Malaysia telah berjaya mematahkan percubaan menyeludup pendatang asing tanpa izin (PATI) di Jalan Kuching / Serian. Semasa menjalankan Op Benteng, hasil pemeriksaan sebuah kenderaan sewa (van), pasukan telah menemui lima (5) orang warganegara Indonesia bersembunyi di tempat duduk belakang. Pemeriksaan lanjut mendapati kesemua penumpang warga Indonesia tersebut membawa passport tetapi tiada cop masuk dari Jabatan Imigresen. Pemandu yang merupakan warga tempatan turut ditahan untuk membantu siasatan.

Pada 29 Julai 2020, pihak ATM telah menangkap dua (2) oaring PATI warganegara Indonesia iaitu seorang wanita dan seorang kanak-kanak lelaki di kawasan CIQ Tebedu iaitu 200 meter dari sempadan Malaysia / Indonesia. PATI tersebut telah dibawa oleh anggota keselamatan ke Balai Polis Tebedu dengan barang rampasan (telefon bimbit, wang tunai dan barang peribadi bernilai RM 3,300) untuk tindakan selanjutnya.

## **7. NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

Orang ramai adalah dinasihatkan agar tidak leka dan terus kekal waspada. Pastikan saranan dan nasihat-nasihat kesihatan diamalkan pada setiap masa. Antara nasihat yang sewajarnya dijadikan satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian dengan mengamalkan **SOP**:

**S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

**O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;

**P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

## **8. UCAPAN SELAMAT HARI RAYA AIDILADHA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua umat Islam yang menyambutnya pada esok hari.

***COVID-19 masih lagi ada  
Hendaklah kita sentiasa berwaspada  
Tua, muda miskin dan kaya  
Gembiranya menyambut Aidiladha***

***Pergerakan antara zon telah diwartakan  
Kebenaran Polis hendaklah disertakan  
Sekiranya kita melakukan korban  
Penjarakan sosial jangan diabaikan***

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives  
Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK  
30 JULAI 2020  
5.00 PETANG**

**MAKLUMAT TAMBAHAN****1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

Kes Terdahulu	<b>677</b>	Kes sedang dirawat di hospital	<b>87</b>	<b>12.85%</b>
Kes Baharu	<b>0</b>	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	<b>0</b>	<b>0.00%</b>
Jumlah Individu Disampel	<b>64,442</b>	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	<b>0</b>	<b>0.00%</b>
Kes Positif Keseluruhan	<b>677</b>	Jumlah kes kematian	<b>19</b>	<b>2.81%</b>
IR per 100,000 penduduk	<b>21.95</b>	Kes telah sembuh dan discaj	<b>571</b>	<b>84.34%</b>
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	<b>10</b>	<b>8,284</b>	<b>9</b>	<b>8,963</b>
Menunggu keputusan	<b>2</b>	<b>2</b>		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	<b>82</b>	<b>0</b>	<b>4</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>87</b>
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
Jumlah kes kematian	<b>17</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>19</b>
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	<b>6</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>6</b>
	Kumulatif	<b>484</b>	<b>33</b>	<b>23</b>	<b>31</b>	<b>571</b>
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )	<b>9</b>	<b>8</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>19</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

<b>DAERAH MERAH (1)</b>												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	4	5,824	0	418	4	341	0	12	65	70	51
<b>Jumlah</b>		<b>4</b>	<b>5824</b>	<b>0</b>	<b>418</b>	<b>4</b>	<b>341</b>	<b>0</b>	<b>12</b>	<b>65</b>	<b>70</b>	<b>51</b>

<b>DAERAH KUNING (4)</b>												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	0	300	0	24	0	21	0	0	3	3	3
2	Lundu	0	241	0	4	0	1	0	0	3	2	1
3	Bau	1	162	0	6	0	5	0	0	1	1	1
4	Samarahan	0	540	0	112	2	97	0	4	11	13	11
<b>Jumlah</b>		<b>1</b>	<b>1243</b>	<b>0</b>	<b>146</b>	<b>2</b>	<b>124</b>	<b>0</b>	<b>4</b>	<b>18</b>	<b>19</b>	<b>16</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**



DAERAH HIJAU (35)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Bintulu	1	271	0	27	0	23	0	0	4	3	0
2	Sibu	0	104	0	9	0	9	0	0	0	0	0
3	Simunjan	0	58	0	8	0	8	0	0	0	0	0
4	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
5	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
6	Limbang	0	29	0	9	0	8	0	1	0	0	0
7	Miri	1	810	0	23	0	22	0	1	0	0	0
8	Asajaya	0	40	0	5	0	5	0	0	0	0	0
9	Sri Aman	0	46	0	3	0	2	0	1	0	0	0
10	Betong	1	186	0	16	0	16	0	0	0	0	0
11	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0	0
12	Mukah	1	42	0	1	0	1	0	0	0	0	0
13	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
14	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0	0
15	Saratok	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0	0
16	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
17	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Lubok Antu	0	20	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Kapit	0	30	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Marudi	0	12	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>4</b>	<b>1,896</b>	<b>0</b>	<b>113</b>	<b>0</b>	<b>106</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>0</b>

<b>Jumlah Besar</b>	<b>9</b>	<b>8,963</b>	<b>0</b>	<b>677</b>	<b>6</b>	<b>571</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>87</b>	<b>92</b>	<b>67</b>
---------------------	----------	--------------	----------	------------	----------	------------	----------	-----------	-----------	-----------	-----------

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

Bil.	Kluster	Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Tamat	
1	<b>Kluster Kuching Conference</b>	0	191	22 June, 2020	
2	<b>Kluster Seri Petaling</b>	0	115	10 June, 2020	
2a	Sub-Kluster Kuching dan Samarahan (BDC dan Desa Ilmu)	41	<b>Sub-kluster dan kes kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling</b>	3 June, 2020	
2b	Sub-Kluster Debak, Betong	10		15 May, 2020	
2c	Sub-Kluster Sibul	4		10 June, 2020	
2d	Sub-Kluster Bintulu	2		12 May, 2020	
2e	Sub-Kluster Limbang	7		26 May, 2020	
2f	Sub-Kluster Kecil Kuching	7		12 May, 2020	
2g	Sub-Kluster Kecil Samarahan	10		3 June, 2020	
2h	Sub-Kluster Kecil Serian	3		3 June, 2020	
2i	<b>Sporadik</b>				
	i) Betong	6		15 May, 2020	
	ii) Samarahan	1		2 May, 2020	
	iii) Serian	1		6 June, 2020	
	iv) Kuching	9		12 May, 2020	
	v) Bintulu	2		18 April, 2020	
	vi) Miri	8		24 May, 2020	
	vii) Mukah	2	13 April, 2020		
viii) Limbang	2	26 May, 2020			
3	<b>Kluster PUI Itali</b>	0	65	30 May, 2020	
4	<b>Kluster Petugas Kesihatan Kuching</b>	0	68	6 June, 2020	
5	<b>Kluster Kidurong</b>	0	8	19 July, 2020	
6	<b>Kluster Tapak Pembinaan Kuching</b>	0	3	22 July, 2020	
7	<b>Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching</b>	0	8	Active	
8	<b>Kluster Mambong</b>	0	7	Active	
9	<b>Kluster Jupiter</b>	0	3	Active	
10	<b>Kluster Pusat Perubatan Kuching</b>	0	3	Active	
11	<b>Kluster Pasar Stutong</b>	0	7	Active	
12	<b>Kluster Jeti</b>	0	2	Active	
13	<b>Kluster Sentosa</b>	0	31	Active	
14	<b>Kluster PUI Melbourne</b>	0	3	Active	
15	<b>Kluster Syarikat Pembinaan Kuching</b>	0	2	Active	
16	<b>Kluster Pasar Satok</b>	0	4	Active	
17	<b>Kluster-kluster kecil</b>	0	63	-	
18	<b>Sporadik kes</b>	0	57	-	
19	<b>Kes import dari luar negara</b>	0	37	-	
20	<b>Masih dalam siasatan dan kes baru</b>	0	0	-	
<b>Jumlah</b>		<b>0</b>	<b>677</b>		

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **36 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **11 buah hotel** adalah seramai **683 orang**.

Manakala seramai **19,255 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 30.07.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>HOTEL</b>	<b>BILANGAN PUS</b>
1	Kuching	Harbour View	113
2	(372)	Riverside (Astana Wing)	125
3		Hock Lee	134
4		Miri	Eastwood Valley
5	(133)	Meritz	68
6	Bintulu (37)	Wasan Inn	14
7		Motel Kapok	13
8		Faber Inn	10
9	Limbang (23)	Purnama	16
10		Mandarin (Lawas)	7
11	Sibu (118)	Premier	118
<b>Jumlah PUS</b>			<b>683</b>

### 3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **3 lokasi di Kuching (2) dan Sibu (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,426 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 30.07.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	452
2	Miri	246
3	Sibu	112
4	Bintulu	110
5	Samarahan	107
6	Sarikei	99
7	Limbang	75
8	Betong	48
9	Serian	47
10	Mukah	45
11	Sri Aman	44
12	Kapit	41
<b>Jumlah</b>		<b>1,426</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Pada hari ini, sebanyak **41 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 30.07.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	3
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	4
4	MP Sibul	10
5	MD MJ	1
6	MB Miri	6
7	MD Marudi	5
8	MD Lawas	9
<b>Jumlah</b>		<b>41</b>